



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM PENERAJU DIMENSI BAHARU PENJAGAAN MELALUI PELAN TINDAKAN INDUSTRI PENJAGAAN DI MALAYSIA

PUTRAJAYA, 14 Jun 2024 – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) hari ini telah menutup siri Makmal Pembangunan Pelan Industri Penjagaan di Malaysia yang telah bermula pada 13 Mei 2024 yang lalu.

Sebanyak lima (5) siri bengkel telah diadakan dengan penglibatan pelbagai kepakaran dari Kementerian, Jabatan, Pertubuhan Antarabangsa, Institusi Pengajian Tinggi, pihak swasta, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) serta individu yang berkemahiran menggunakan pendekatan *whole of government* dan *whole of society*.

Sepanjang makmal berlangsung, KPWKM telah mengenalpasti enam isu utama berkaitan industri penjagaan yang akan diberi perhatian menyeluruh seperti keperluan mewujudkan ekosistem industri penjagaan yang komprehensif, penawaran dan permintaan penjaga profesional, jurang kepakaran dalam industri, impak ekonomi penjaga profesional, perundangan dan polisi serta insentif kepada pemain industri.

Makmal ini juga telah berjaya membangunkan draf awal Pelan Tindakan Industri Penjagaan di Malaysia yang dijangka bakal mengubah landskap penjagaan di Negara ini. Draft ini akan diperhalusi oleh KPWKM sebelum

diangkat kepada Jemaah Menteri bagi persetujuan dan seterusnya dilaksanakan oleh semua pihak yang terlibat.

Pada masa yang sama KPWKM akan mengadakan tata kelola dengan pemegang taruh berkaitan pembangunan Pelan Industri Penjagaan ini. KPWKM mengalu-alukan kerjasama semua pihak untuk tampil dan berganding bahu dengan KPWKM bagi menjayakan inisiatif ini.

####

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
14 JUN 2024**